

20/11/2001

Nora ubah strategi

Suzan Ahmad

PADA era yang dianggap gelap oleh syarikat rakaman tempatan, idea lebih bernas, strategi pemasaran serta promosi yang lebih ekonomi perlu dipraktikkan.

Atas dasar itu, pemenang tiga anugerah di Anugerah Industri Muzik (AIM) 2001, Nora Ariffin atau Nora mengambil inisiatif melancarkan album yang berbentuk VCD yang memuatkan 10 klip video.

Pengurus Pemasaran dan Promosi BMG Music, Firhad, berkata cadangan bijak itu dipersetujui mereka memandangkan sambutan di pasaran yang baik terhadap album berbentuk VCD.

"Peminat tanah air kini semakin ke depan. Cita rasa mereka tidak mampu dipenuhi hanya dengan mendengar suara saja kerana mereka mahukan kepuasan dalam bentuk visual," katanya ketika melancarkan klip video dan album VCD Karaoke Nora berjudul Panorama di pejabat BMG Music, di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Katanya, keadaan ekonomi yang terjejas kini turut memberikan kesan terhadap industri muzik tanah air.

Firhad berkata, tahun lalu saja, daripada 83 album yang diterbitkan BMG, hanya 18 saja yang mampu dijual melebihi angka 20,000 unit.

Artis tempatan juga merasai tempas itu, sebagai contoh, album J.Lo Malaysia, Ziana Zain. Ia hanya dijual 15,000 unit setakat ini manakala Phoenix Bangkit, M Nasir 26,000 unit saja," katanya yang baru saja terbabit dengan pengecilan struktur pentadbiran dan tenaga kerja BMG Music.

Bagi Nora pula, VCD Panorama mencerminkan dia dalam pelbagai wajah baru.

"Nora mahu pandangan peminat terhadap Nora lebih terbuka dan longgar, tidak statik. Lagipun jualan album Kirana cukup menyedihkan dengan hanya 6,000 unit dijual setakat ini. Kirana tidak mendapat promosi serta layanan yang selayaknya," katanya dengan kesal.

Nora seakan bangkit semula dengan Panorama yang memuatkan lapan lagu daripada album Kirana, antaranya Lagu Terbaik AIM 2001, Menyemai Cinta Bersamamu dan lagu Irama Malaysia Moden yang terpilih ke Juara Lagu 2001, Desa Tercinta.

Selain itu, dua lagu baru turut dimuatkan iaitu Sesuci Kelopak Mawar yang menjadi lagu tema drama TV dengan judul yang sama dan Perjuangan Yang Belum Selesai yang dipetik daripada puisi hasil nukilan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Album yang mengambil masa tiga bulan untuk disiapkan itu menelan belanja lebih RM100,000. Ia adalah projek pertama Two Tones Sdn Bhd yang diterajui Johan Nawawi dengan kerjasama Warisan Insentif Sdn Bhd, edaran BMG Music.

Klip video itu dihasilkan di beberapa tempat sekitar Kuala Lumpur dan Langkawi, Kedah. Panorama dijangka akan berada di pasaran Ramadan ini berharga serendah RM19.90 yang Desa Tercinta akan menjadi video single pertama.

Sebagai bonus, peminat berpeluang menyanyikan lagu daripada album Panorama yang dijual berbentuk VCD Karaoke.

(END)